

Kursus Pengurusan Organisasi Badan Pelajar UMS untuk budaya kerja sistematik

UB 9/11/2015

KOTA KINABALU: JAKMAS Kediaman Ecopark dengan kerjasama JAKMAS Kolej Kediaman 1 Borneo dan Kolej Kediaman Antarabangsa Kingfisher, Universiti Malaysia Sabah baru-baru ini menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi Badan Pelajar UMS.

Objektif utama pengajuran program ini adalah se-

bagai satu langkah pendedahan awal kepada kepimpinan baru organisasi badan pelajar di peringkat UMS iaitu Persatuan Mahasiswa Fakulti, JAKMAS Kolej Kediaman dan juga Kelab di bawah naungan Jabatan Hal Ehwal Pelajar sesi 2019/2020 dalam memahami proses menghasilkan dokumentasi, pengurusan acara serta majlis setiap kali

menjalankan aktiviti pelajar di peringkat UMS khususnya dan luar amnya.

Pengarah Program Liliana Leong Jia Lih memberitahu kursus ini dibahagikan kepada tiga bahagian penting iaitu pengurusan dokumentasi organisasi badan pelajar, pengurusan majlis organisasi badan pelajar dan pengacaraan majlis organisasi badan pelajar.



BERMANFAAT: Peserta bergambar bersama pengetua Kolej Kediaman, penceramah jemputan, barisan JAKMAS.